

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengenai import sayur-sayuran dan buah-buahan dari negara luar:

- a. peratusan (%) sayur-sayuran dan buah-buahan yang diimport berbanding keluaran tempatan; dan
- b. apakah usaha-usaha untuk mengurangkan pengimportan sayur-sayuran dan buah-buahan dari negara luar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2017, pengeluaran sayur-sayuran dalam negara adalah sebanyak 1.0 juta tan metrik berbanding dengan jumlah import sebanyak 1.86 juta tan metrik. Ini menjadikan nisbah jumlah pengeluaran dalam negara kepada jumlah import adalah sebanyak 53%. Daripada jumlah pengimportan tersebut, 78% adalah sayur-sayuran *temperate* yang tidak sesuai ditanam di Malaysia manakala 22% lagi adalah sayur-sayuran tropika. Antara sayur-sayuran tropika yang diimport adalah kubis bulat, cili dan halia.

2. Jumlah pengeluaran buah-buahan dalam negara adalah sebanyak 1.49 juta tan metrik berbanding dengan jumlah import sebanyak 0.87 juta tan metrik. Ini menjadikan nisbah pengeluaran dalam negara kepada import adalah sebanyak 171%. Sebahagian besar daripada import buah-buahan adalah terdiri daripada buah-buahan *temperate* yang tidak boleh dihasilkan dalam negara contohnya epal, oren, limau mandarin, pir dan anggur.

3. Bagi mengurangkan pengimportan sayur-sayuran dan buah-buahan dari negara luar, pelbagai usaha telah dijalankan untuk meningkatkan pengeluaran tanaman melalui pelaksanaan projek/program seperti berikut:

- i) Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM);
- ii) Projek Pembangunan Kluster Buah-Buahan;
- iii) Projek Pembangunan Kluster Tanaman Kontan;
- iv) Projek Tanaman Semula Buah-Buahan Terpilih;
- v) Projek Pembangunan Tanaman Sayur-sayuran;
- vi) Projek Pembangunan Tanah Terbiar; dan
- vii) Program Pertanian Moden.

4. Kerajaan juga menyediakan khidmat sokongan dan infrastruktur pemasaran bagi membantu petani mendapatkan teknologi yang bersesuaian dan dapat memasarkan hasil pertanian mereka dengan cekap.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI (PASIR MAS)

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan dasar pertahanan negara dalam menerima tawaran bantuan ketenteraan asing seperti bantuan dari pihak Amerika Syarikat untuk membekalkan secara percuma kepada ATM peralatan pengawasan perisikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Pertahanan Negara (DPN) merupakan terjemahan daripada Dasar Keselamatan Negara dan Dasar Luar Negara. Kementerian Pertahanan berpegang kepada Dasar Berkecuali dan mengamalkan hubungan baik dengan semua negara termasuk kuasa-kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat dan China.

Kementerian Pertahanan telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 9 November 2018 untuk menerima bantuan dalam bidang pertahanan dari Amerika Syarikat termasuk kelengkapan aset seperti Scan Eagle UAV bagi meningkatkan keupayaan pemantauan maritim yang amat diperlukan oleh Malaysia. Ini adalah kerana Malaysia merupakan sebuah negara maritim yang mempunyai kawasan maritim yang luas dan perlu dipantau pada setiap masa bagi mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayahnya.

DPN menekankan kerjasama pertahanan secara dua hala dan pelbagai hala melalui pelbagai kaedah seperti kunjungan hormat, mesyuarat berjadual, kursus, eksesais ketenteraan, pertukaran pegawai, industri pertahanan, sains dan teknologi pertahanan dan pembangunan keupayaan pertahanan dalam bentuk perolehan kelengkapan baru atau kelengkapan terpakai serta sumbangan kelengkapan baru atau terpakai.

Dalam pengurusan keselamatan yang semakin mencabar, sesebuah negara perlu menggunakan pelbagai kaedah untuk menangani ancaman yang semakin kompleks. Setiap negara perlu meningkatkan kerjasama pertahanan agar isu keselamatan dapat ditangani secara aman dan mengelakkan sebarang konflik yang mungkin berlaku demi keselamatan negara dan kestabilan serantau.